

1980

KUALA KANGSAR?N 2 NOV. (BERNAMA) — TIMBALAN PERDANA MENTERI DATUK SERI DR. MAHATHIR MOHAMAD BERKATA HARI INI SEKATAN-SEKATAN TERTENTU DALAM SISTEM DEMOKRASI YANG DIAMALKAN DI MALAYSIA SEMATA-MATA UNTUK FAEDAH RAKYAT.

KATA BELIAU SEKATAN-SEKATAN TERSEBUT BERASASKAN ADAT RESAM YANG TIDAK BERTULIS TETAPI DIPATUHI OLEH MASYARAKAT.

UMPAMANYA DALAM MASYARAKAT MELAYU TERDAPAT PERATURAN DAN ADAT BERSOPAN YANG MEMBERI IDENTITI KEPADA MASYARAKAT ITU DAN BEGITU JUGA DENGAN BANGSA-BANGSA LAIN DI NEGARA INI YANG MEMPUYAI ADAT RESAM MASING-MASING.

BELIAU BERUCAP MERASMIKAN KURSUS SIVIK BAGI 500 ORANG PEMIMPIN MASYARAKAT TEMPATAN DI DEWAN MERDEKA DI SINI. HADIR SAMA IALAH TIMBALAN MENTERI PENERANGAN, DATUK HAJI EMBONG YAHYA DAN MENTERI BESAR DATUK SERI HAJI WAN MOHAMED HAJI WAN TEH.

DATUK SERI DR. MAHATHIR BERKATA SISTEM DEMOKRASI DI MALAYSIA BENAR-BENAR MEMBERI KUASA KEPADA RAKYATNYA MEMILIH KERAJAAN YANG MEREKA KEHENDAKI DAN TIDAK SEPERTI NEGARA YANG HANYA +TAYANGKAN+ DEMOKRASI TANPA MENGAMALKANNYA. — BERSAMBUNG 1513/1B

MAHATHIR 2 KUALA KANGSAR

BAGAIMANAPUN, KATANYA, TERDAPAT JUGA UNDANG-UNDANG YANG MENYEKAT KEBEBASAN SESEORANG TETAPI +KITA TAHU SEKATAN-SEKATAN ITU UNTUK FAEDAH KITA SENDIRI+.

BELIAU JUGA MEMBIDAS SEGOLONGAN MASYARAKAT DI NEGARA YANG KADANG-KADANG LUPA AKAN NIKMAT YANG MEREKA TERIMA DAN ADA PULA KUMPULAN YANG Mencari JALAN UNTUK MEMBUAT RAKYAT LUPAKAN NIKMAT YANG MEREKA RASAI.

MEREKA INI MEMPERSOALKAN APAKAH KEUNTUNGAN YANG MEREKA DAPATI SEJAK NEGARA MERDEKA TANPA MENGENANG DAN BERSYUKUR LITAS APA YANG MEREKA PEROLEHI.

DATUK SERI DR. MAHATHIR JUGA MENYERU RAKYAT SUPAYA BERHATI-HATI TERHADAP KUMPULAN-KUMPULAN YANG BERSELINDUNG DI BELAKANG KEGIATAN DAKWAH UNTUK TUJUAN-TUJUAN POLITIK YANG LAIN.

BELIAU MENEGASKAN KERAJAAN AKAN TERUS BERUSAHA MENCEGAH SEGALA JENAYAH DALAM AGAMA.

BELIAU BERKATA ADA AHLI-AHLI POLITIK YANG TIDAK SUKA KEGIATAN DAKWAH DISOAL ATAU DISIASAT MUNGKIN KERANA KEPENTINGAN POLITIKNYA. +TAPI PENGAJARAN AGAMA ISLAM TIDAK PATUT DISEMBUNYIKAN KALAU IA TIDAK DIGUNAKAN UNTUK TUJUAN LAIN,+ KATANYA. SEBELUM ITU, DATUK HAJI EMBONG BERKATA KURSUS SEHARI ANJURAN JABATAN PENERANGAN ITU BERTUJUAN MENJELASKAN DASAR-DASAR KERAJAAN KEPADA RAKYAT. — BERNAMA 1532/1B

105